



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (096-110)

Kajian Lakuan Bahasa di Malaysia: Analisis terhadap Trend Data

¹Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, ²Maslida Yusof & ³Karim Harun
¹n.afifahadila@gmail.com, ²maslida@ukm.edu.my & ³linguist@ukm.edu.my

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 25 September 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 9 Oktober 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Kajian dalam bidang lakuan bahasa telah dilakukan dengan meluas dalam kalangan pengkaji di Malaysia. Banyak artikel jurnal, prosiding seminar dan tesis telah ditulis dan diterbitkan dalam pelbagai aspek kajian lakuan bahasa yang dapat mengembangkan lagi ilmu lakuan bahasa dalam bidang pragmatik. Artikel ini bertujuan mengkaji trend data kajian lakuan bahasa dalam tesis ilmiah pelajar sarjana dan doktor falsafah di universiti dalam Malaysia. Carian tesis dilakukan melalui pangkalan data dalam talian yang dikenali sebagai *Malaysian thesis online* (Myto). Tiga kata kunci digunakan untuk melakukan carian tesis iaitu 'lakuan bahasa', 'lakuan tutur' dan 'lakuan pertuturan'. Justeru, tesis berkaitan tiga kata kunci ini dikenal pasti dan digunakan sebagai bahan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan skema pengkategorian yang dianjurkan oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) bagi melihat trend data tesis iaitu tumpuan utama dalam analisis data, kuantiti data, medium data, bahasa yang digunakan dalam data dan fiksionaliti. Keputusan kajian ini menghasilkan trend data berdasarkan pemerhatian terhadap tesis-tesis yang dipilih. Hasil kajian mendapati bahawa subkategori skema trend data yang mendapat lebih perhatian ialah jenis ucapan, kajian kes, percakapan, bahasa Melayu sepenuhnya dan data sebenar. Kajian ini memberikan kepentingan kepada pengkaji semasa dan akan datang untuk melihat trend dan perkembangan kajian lakuan bahasa di Malaysia khususnya dalam memilih data untuk dijadikan bahan kajian. Selain itu, kajian ini berjaya mendedahkan bentuk data yang kurang atau belum difokuskan dan boleh dipertimbangkan untuk dikaji oleh pengkaji lain.

Kata kunci: Pragmatik, lakuan bahasa, trend, tesis, data

Study of Speech Acts in Malaysia: Analysis of Data Trends

Abstract

Studies in speech acts have been conducted extensively among researchers in Malaysia. Numerous journal articles, seminar proceedings and scholarly thesis have been written and published in various aspects of speech acts studies that can further develop the knowledge of speech acts in pragmatics. This article aims to examine the trend of speech acts data used in the master and Doctor of Philosophy thesis in Malaysia. In

this study, the search of thesis utilizes an online database known as Malaysian Thesis Online (Myto). Three keywords have been used in this search namely 'lakukan bahasa', 'lakukan tutur' and 'lakukan pertuturan'. Thus, the thesis related to these three keywords can be identified and used as the study material. This study uses content analysis method and employs the categorization scheme proposed by Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) to examine the thesis data trends which are mainly focused on data analysis, data quantity, data medium, language used in data and fictionality. The results of the data trends is based on observations of selected thesis. The study found that the subcategory scheme trend data of interest were utterances, case study, spoken, entirely in Malay language and real data. This study is importance to current and future researchers to investigate the trends and developments of speech acts studies in Malaysia especially in selecting data to be employed as research material. Moreover, this study successfully revealed less or unfocused forms of data and could be considered for study by other researchers.

Keywords: Pragmatic, speech acts, trend, thesis, data

1. Pengenalan

Sejarah menunjukkan bahawa Charles Morris iaitu seorang ahli falsafah telah memulakan pengkajian bidang pragmatik pada tahun 1938 dengan memfokuskan kepada sintaksis, semantik dan pragmatik. Tokoh lain yang turut mengembangkan ilmu pragmatik ialah Halliday (1960) yang menumpukan teori sosial dengan memandang bahasa sebagai fenomena sosial. Seterusnya Austin (1962) pula memfokuskan kepada ilmu lakukan bahasa dan disambung oleh anak muridnya Searle (1969). Ilmu tinggalan Austin telah dibukukan dalam sebuah buku berjudul “*How to do things with words*” pada tahun 1962 yang menerangkan tentang tuturan performatif dan konstatif serta tiga komponen asas lakukan bahasa iaitu lokusi, ilokusi dan perlokusi. Searle (1969) telah meluaskan pemikiran Austin dengan mencipta pengkategorian lakukan bahasa iaitu representatif, direktif, ekspresif, komisif dan deklaratif. Kemudian, selepas itu muncul ramai lagi pengkaji seperti Bach dan Harnish (1979) yang mengembangkan ilmu lakukan bahasa dengan mengkategorikan lakukan bahasa kepada empat taksonomi iaitu konstatif, direktif, komisif dan pengakuan. Teori lakukan bahasa oleh Bach dan Harnish (1979) mempunyai pengkategorian yang lebih terperinci dalam menghuraikan lakukan bahasa. Mereka mengadaptasi lakukan bahasa oleh Austin (1962) dan Searle (1969). Kelebihan pengkategorian Bach dan Harnish (1979) diakui sendiri oleh Van Peurse et al. (2001) iaitu lebih terperinci kerana mengandungi indikator dan formula huraian untuk mengenal pasti sesuatu ujaran lakukan bahasa.

Oleh sebab sifat ilmu boleh dikembangkan, maka ilmu pragmatik telah sampai ke Malaysia pada tahun 1990 yang boleh dilihat melalui kajian oleh Asmah Haji Omar. Pada tahun 1998 pula, Ahmad Mahmud Musanif telah menjalankan kajian tentang lakukan bahasa dan diteruskan oleh ramai pengkaji lain sehingga ke hari ini. Perkara ini boleh dilihat melalui penerbitan artikel jurnal, prosiding seminar, tesis ilmiah dan lain-lain. Abd Ganing Leangkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Ab. Karim (2018) turut mengesahkan bahawa kajian lakukan bahasa di Malaysia semakin hangat dibincangkan dan semakin bertambah penerbitan dalam bidang ini. Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian lakukan bahasa ialah Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015), Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2021), Aminnudin Saimon (2021), Abd Ganing Leangkang et al. (2019), Wan Robiah Meor Osman et al. (2010), Zanariah Ibrahim et al. (2017), Maslida Yusof dan Karim Harun (2015), Aswadi Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) dan lain-lain.

Melalui tesis ilmiah pelajar, kajian lakukan bahasa dapat dilihat dengan lebih jelas kerana penulisan analisisnya yang panjang dan data yang lebih banyak berbanding dengan penulisan artikel jurnal dan prosiding seminar yang sedikit terbatas. Berdasarkan sumber dari *Malaysian*

thesis online (Myto), penulisan tesis ilmiah dalam bidang lakuan bahasa di Malaysia bermula pada tahun 1998 yang dihasilkan oleh pelajar doktor falsafah dari Universiti Malaya. Manakala tesis terkini pula iaitu pada tahun 2018, berdasarkan sumber yang sama ialah tesis yang dihasilkan oleh pelajar doktor falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sehingga kini, masih ada pelajar di universiti tempatan yang memilih lakuan bahasa sebagai bidang kajian bagi memenuhi keperluan disertasi pengajian sarjana dan PhD mereka. Terbitan tesis ini dapat menunjukkan kerelevanan dan keperluan bidang lakuan bahasa untuk dijadikan kajian di Malaysia. Penghasilan tesis bagi memenuhi keperluan untuk bergraduasi adalah satu perkara yang besar untuk diselesaikan. Pelajar akan melalui beberapa fasa bermula dengan membaca, menganalisis, menyelesaikan masalah dan berakhir dengan viva. Oleh itu, pemilihan bidang dan tajuk tesis adalah amat penting kerana perkara ini akan menentukan hala tuju kajian.

Oleh sebab kajian lakuan bahasa mendapat tempat dalam kalangan pelajar sarjana dan doktor falsafah, maka kajian ini akan mengkaji trend data bagi melihat perkembangan kajian dalam bidang ini di Malaysia. Menurut Kamus Dewan Edisi yang Keempat (2010), maksud trend ialah arah aliran atau perkembangan rentetan kejadian. Justeru, kajian ini akan melihat perkembangan data yang dipilih dalam tesis pelajar sarjana dan doktor falsafah di universiti dalam Malaysia. Pengkajian berkenaan trend data adalah sangat penting kerana para pengkaji semasa dan akan datang boleh melihat bagaimana kajian tesis di Malaysia memilih data untuk dijadikan bahan kajian. Selain itu, mereka juga boleh melihat apakah data yang masih kurang dibincangkan dan diteliti. Kamarul Azmi Jasmi (2014) menegaskan bahawa seorang penyelidik perlu mendapatkan maklumat yang cukup tentang latar belakang bidang kajian dan aspek kajian yang ingin dicapai sebelum memulakan kajian. Oleh itu, keputusan kajian yang dihasilkan ini dapat memberikan maklumat kepada pengkaji akan datang dengan melihat kelengkapan atau kekosongan yang boleh diisi untuk melaksanakan kajian baharu.

2. Sorotan Kajian

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji trend atau perkembangan sesuatu bidang dan ilmu. Melalui kajian-kajian ini, dapat dilihat dengan jelas kepentingan untuk melakukan kajian yang meninjau trend atau perkembangan sesuatu bidang dan ilmu. Kajian pertama yang boleh dilihat ialah kajian oleh Roosfa Hashim (2011) yang meneliti perkembangan jurnal ilmiah Melayu dalam kalangan anak Melayu watan. Melalui kajian ini, dapat dilihat perkembangan kesarjanaan dalam kalangan orang Melayu dalam pengajian Melayu di Malaysia. Pelbagai bahan dijadikan rujukan seperti makalah, buku, tesis, jurnal dan akhbar yang berkaitan dengan pengajian Melayu bagi memperolehi maklumat. Artikel ini memilih empat aspek bagi melihat perkembangan kesarjanaan orang Melayu dalam bidang pengajian Melayu. Empat aspek tersebut adalah penerbitan karya ilmiah, penyelidikan, pertumbuhan institusi yang berkaitan dengan pengajian Melayu dan wacana dalam pelbagai persidangan dan simposium di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Berdasarkan hasil kajian oleh Roosfa Hashim (2011) ini, didapati bahawa jurnal ilmiah pengajian Melayu di Malaysia berkembang pada kadar yang cukup membanggakan dan jumlahnya bertambah dengan drastik. Penubuhan agensi dan institusi pengajian sangat memberikan pengaruh dan menyumbang kepada pengembangan pengajian Melayu. Di samping itu, perkembangan ini juga seiring dengan kemunculan lebih banyak sarjana Melayu dalam pelbagai bidang yang turut menyumbang makalah dalam jurnal Melayu. Pada zaman sebelum merdeka, sarjana Melayu yang ingin menerbitkan makalah terpaksa menumpang pada jurnal-jurnal yang diusahakan oleh para pentadbir kolonial seperti JMBRAS, Bijdragen dan Indonesia. Namun dalam tempoh tiga dekat, jurnal Melayu telah diusahakan oleh anak watan dengan jayanya. Kajian Roosfa Hashim (2011) ini telah berjaya mendedahkan perkembangan jurnal ilmiah Melayu oleh anak watan yang pastinya memberikan kepentingan kepada semua sarjana di Malaysia.

Kajian kedua pula ialah kajian oleh Abd Ganing Leangkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Ab. Karim (2018) yang mengkaji perkembangan kajian lakuan bahasa di Malaysia. Objektif kajian ini ialah mengkaji perkembangan kajian lakuan bahasa di Malaysia dan mengenal pasti bentuk-bentuk kajian lakuan bahasa di Malaysia. Pelbagai bahan telah dipilih seperti kertas kerja persidangan, artikel jurnal, tesis ilmiah bagi melihat perkembangan kajian lakuan bahasa di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan bagi meneliti kajian-kajian lepas berkenaan lakuan bahasa dan membataskan dua sumber carian bahan iaitu melalui Pusat Sitasi Malaysia (Myjournal) dan *Malaysian Thesis Online* (Myto). Dapatan awal menunjukkan bahawa ahli bahasa mula menunjukkan minat terhadap kajian lakuan bahasa dan teori lakuan bahasa oleh Austin, Searle dan Bach & Harnish yang telah diterima pakai di Malaysia.

Abd Ganing Leangkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Ab. Karim (2018) menyifatkan kajian lakuan bahasa di Malaysia agak lambat dimulakan jika ingin dibanding dengan usia teori lakuan bahasa yang muncul pada tahun 1962. Kajian lakuan bahasa pertama di Malaysia ialah pada tahun 1998 yang ditulis oleh Ahmad Mahmud Musanif melalui tesis doktor falsafahnya. Kesimpulan daripada kajian ini, bidang lakuan bahasa di Malaysia semakin hangat dibincangkan dan semakin bertambah penerbitan kajiannya. Namun begitu daripada hasil penelitian, masih kurang kajian lakuan bahasa berkenaan teks atau ucapan pemimpin negara. Oleh itu, Abd Ganing Leangkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Ab. Karim (2018) menyarankan agar sarjana di Malaysia menjadikan pemimpin negara sebagai bahan kajian untuk melihat sikap dan tindak balas pemimpin ketika berucap atau menulis. Pelbagai bentuk lakuan bahasa akan diperolehi melalui kajian yang dicadangkan ini.

Kajian ketiga pula ialah kajian oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) yang mengkaji trend data dalam bidang pragmatik selama 20 tahun. Sebanyak 200 artikel dalam *Journal of Pragmatics* diambil iaitu dari tahun 1999 sehingga 2018 untuk dijadikan bahan kajian. Skema pengkategorian telah dicipta sebagai kunci utama untuk melihat trend data yang digunakan. Antara skema pengkategorian ialah fokus umum dalam artikel, tumpuan utama dalam analisis data, kuantiti data, medium data, bilangan mod yang digunakan, interaktiviti, bahasa yang digunakan dalam data dan fiksionaliti. Kajian ini dilaksanakan dengan mengambil ilham dari kajian yang pernah dilakukan oleh Jucker & Staley (2017) yang mengkaji trend kajian kesopanan dalam *Journal of Politeness Research* dan *Journal of Pragmatics* dari tahun 1985 hingga 2014. Skema pengkategorian yang digunakan dalam kajian Jucker & Staley (2017) telah diteliti dan diubah suai oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019).

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) membuat kesimpulan terhadap trend data dalam Jurnal Pragmatik sepanjang tahun 1999 sehingga 2018. Antaranya ialah berkenaan fokus artikel yang didapati lebih banyak berbentuk data, bukan berbentuk teoritikal dan metodologi. Selain itu, Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) turut mencadangkan agar ditingkatkan penggunaan data multimod, bukan sahaja hanya tertumpu kepada satu mod sahaja, kemudian penggunaan data perlu lebih interaktif dan dominasi data perlu dikurangkan. Penggunaan contoh yang dibina pula dilihat semakin berkurangan jika dibandingkan dengan jenis data sebenar dan fiksyen. Kajian ini memberikan kepentingan kepada semua pengkaji dalam bidang pragmatik kerana dapat melihat dan meneliti trend data oleh pengkaji-pengkaji lepas apabila menulis artikel. Oleh itu, jika pengkaji akan datang ingin menulis artikel berkaitan pragmatik, maka hasil kajian ini akan membantu mereka untuk memilih data yang kurang ditumpukan dan dapat mengisi kelompongan atau kekosongan tersebut.

Ketiga-tiga artikel dalam sorotan kajian ini telah menyatakan kepentingan kajian berbentuk trend atau kajian terhadap perkembangan sesuatu bidang yang dipilih. Pendedahan trend atau

perkembangan sesuatu bidang akan memberikan maklumat kepada pengkaji lain terutamanya yang ingin menjalankan kajian. Seperti yang ditekankan oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019), pengkajian trend data ini banyak manfaatnya seperti dapat memberikan cadangan kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji bentuk data yang kurang difokuskan dan diberikan perhatian. Begitu juga dengan kajian yang sedang dijalankan ini, pengkaji semasa dan akan datang boleh melihat bagaimana kajian tesis-tesis di Malaysia memilih data untuk dijadikan bahan kajian. Para pengkaji boleh melihat apakah data yang masih kurang difokuskan dan sebaliknya. Oleh itu, kelompangan dan kekosongan bentuk data yang belum difokuskan dan dipilih oleh pengkaji lepas boleh dipertimbangkan oleh pengkaji akan datang untuk melaksanakannya. Hal ini akan mempelbagaikan lagi bentuk data kajian lakuan bahasa di Malaysia khususnya.

Konsep Lakuan Bahasa

Pelbagai istilah telah digunakan di Malaysia bagi menggantikan perkataan asalnya dalam bahasa Inggeris iaitu “*speech acts*”. Istilah yang sering digunakan di Malaysia ialah ‘lakuan bahasa’, ‘lakuan tutur’ dan ‘lakuan pertuturan’. Manakala bagi negara jiran iaitu Indonesia, sarjana mereka menggunakan istilah ‘tindak tutur’. Kepelbagaian istilah ini tidak menjadi masalah kepada perkembangan kajian lakuan bahasa dalam dunia akademik kerana kesemua istilah ini boleh digunakan. Ramai tokoh tempatan dan luar negara telah membahaskan tentang ilmu lakuan bahasa sejak ilmu ini muncul pada tahun 1962 dan berkembang sehingga ke hari ini. Antara tokoh utama yang sering dijadikan rujukan dalam kajian ahli bahasa di Malaysia ialah nama yang tidak asing lagi iaitu Austin, Searle dan Bach & Harnish (Abd Ganing Leangkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Ab. Karim, 2018). Justeru, bahagian penulisan ini akan melihat perkembangan ilmu lakuan bahasa dan definisi lakuan bahasa oleh tokoh-tokoh terkenal dalam bidang ini.

Austin (1962) telah menerbitkan sebuah buku berjudul “*How to do things with words*” yang menjadi asas kepada ilmu lakuan bahasa di dunia. Austin berpendapat bahawa, dengan mengungkapkan sesuatu, sebenarnya melakukan sesuatu dengan kata-kata yang diujarkan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa digambarkan sebagai satu bentuk perlakuan. Austin (1962) telah mencipta tiga peringkat asas dalam bidang lakuan bahasa iaitu lokusi, ilokusi dan perlokusi. Lokusi merupakan lakuan pengucapan yang berfungsi untuk menceritakan sesuatu. Ilokusi pula ialah lakuan niat pengucapan yang berfungsi untuk melakukan sesuatu perkara. Manakala perlokusi ialah lakuan tindak balas pengucapan yang berfungsi untuk menyempurnakan sesuatu perkara. Lakuan bahasa juga digunakan untuk menyampaikan pelbagai maksud dan emosi yang diterjemahkan melalui penggunaan bahasa (Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar, 2019). Lakuan bahasa bukanlah hanya satu perilaku, tetapi harus dipertimbangkan keseluruhan situasi kegiatan berbahasa kerana pengujaran merupakan satu bahagian sahaja daripada keseluruhan lakuan bahasa. Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) menegaskan bahawa bahasa akan menjadi lebih berkesan jika pemilihan kata, ungkapan dan ayat sesuai dengan konteks bahasa itu digunakan. Manakala Aminuddin Saimon (2021) pula menyatakan bahawa keberkesanan lakuan bahasa juga bergantung pada pemilihan ayat yang pendek, ringkas dan mudah difahami.

Menurut J. R Searle (1969), ungkapan sesuatu bahasa dapat difahami dengan lebih baik apabila dikaitkan dengan situasi konteks terjadinya ungkapan tersebut. Beliau mengkategorikan lakuan bahasa kepada lima iaitu penegasan, arahan, komisif, ekspresif dan pengisytiharan. Penegasan ialah tindakan atau lakuan ujaran yang menyatakan sesuatu tentang keadaan seperti yang ada (*state of affairs*) contohnya menyatakan pendapat. Arahan ialah tindakan atau lakuan bahasa yang dilakukan oleh pengucap agar pendengar melakukan sesuatu contohnya memberi arahan menutup pintu. Komisif pula ialah tindakan atau lakuan ujaran yang mewujudkan satu tanggungjawab pada pihak pengucap untuk melakukan sesuatu contohnya membuat janji, membuat tawaran atau membuat ugutan. Ekspresif ialah tindakan atau lakuan ujaran yang meluahkan perasaan (dalaman) pengucap

yang ada, asasnya bersifat subjektif contohnya mengucap sayang dan meluahkan simpati. Pengisytiharan ialah tindakan atau lakuan bahasa formal yang membawa kepada perubahan dalam sesuatu keadaan atau status sesuatu entiti contohnya pengumuman hari raya. Mey (2001) turut menegaskan perkara yang sama iaitu lakuan bahasa merupakan satu lakuan pragmatik yang menyebabkan sesuatu perkara berubah setelah berlakunya pengujaran sesuatu lakuan bahasa.

Bach & Harnish menerusi buku mereka '*Linguistic Communication and Speech Acts*' pada tahun 1979 menyatakan bahawa tindakan ilokusi merupakan satu usaha untuk berkomunikasi dan aspek yang dianalisis merupakan ekspresi terhadap tindak ilokusi tersebut. Dalam menentukan apakah yang seseorang maksudkan dengan lokusinya, ujaran yang disampaikan perlu mengambil kira makna yang disampaikan, rujukan, sifat dan hubungan serta masa yang ditentukan. Lakuan bahasa oleh Bach & Harnish terbahagi kepada dua, iaitu tindak ilokusi komunikatif dan tindak ilokusi konvensional. Tindak ilokusi komunikatif ialah konstatif, arahan, pengakuan dan komisif. Manakala tindak ilokusi konvensional ialah efektif dan mengadili. Lakuan bahasa merupakan lakuan berdasarkan niat pengucapan yakni tindak ilokusi yang didasari skema lakuan bahasa (*speech acts schema*). Pengertian asas teori ini tertumpu kepada cara menghubungkan makna dan lakuan dengan bahasa (Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil, 2016). Oleh itu, lakuan bahasa amat penting untuk diberikan perhatian kerana berkaitan dengan makna yang ingin disampaikan.

3. Metodologi

Kajian ini memilih tesis-tesis ilmiah pelajar sarjana dan doktor falsafah yang mengkaji bidang lakuan bahasa di Malaysia sebagai bahan kajian. Hasil carian melalui pangkalan data dalam talian yang dikenali sebagai *Malaysian thesis online* (Myto) telah menemukan sebanyak lapan buah tesis yang mengkaji lakuan bahasa. Oleh itu, kesemua tesis yang dijumpai ini dijadikan bahan kajian untuk melihat trend data yang dipilih. Tiga kata kunci iaitu 'lakuan bahasa', 'lakuan tutur' dan 'lakuan pertuturan' telah digunakan bagi melakukan carian tesis lakuan bahasa di Malaysia melalui pangkalan data. Bagi menganalisis trend data kesemua tesis ini, skema pengkategorian oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) diaplikasikan. Skema pengkategorian ini dicipta khas oleh mereka untuk mengkaji trend data dalam sesuatu bidang melalui bahan yang digunakan seperti artikel, tesis, kertas kerja, buku dan sebagainya. Menurut Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019), terdapat lima skema pengkategorian yang dapat melihat trend data iaitu tumpuan utama dalam analisis data, kuantiti data, medium data, bahasa yang digunakan dalam data dan fiksionaliti. Kelima-lima kategori skema ini amat sesuai untuk menghasilkan trend data kerana dapat melihat bentuk data yang dipilih oleh pengkaji-pengkaji lepas. Oleh itu, kajian ini amat sesuai memilih dan menjadikan skema pengkategorian oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) ini untuk mengkaji trend data dalam tesis lakuan bahasa di Malaysia. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah kepustakaan dengan membaca serta meneliti tesis-tesis dalam bidang lakuan bahasa yang lepas sebagai bahan kajian. Di bawah ialah senarai tesis yang dijadikan bahan kajian.

Jadual 1. Senarai tesis dalam bidang lakuan bahasa di Malaysia

| Tahun | Tajuk Tesis | Peringkat Pengajian | Institusi |
|-------|--|---------------------|--------------------------------|
| 1998 | Tanya-jawab dalam novel Salina karangan A. Samad Said: satu kajian berdasarkan teori lakuan pertuturan | Doktor falsafah | Universiti Malaya |
| 1999 | Kajian perlakuan bahasa oleh kanak-kanak dwibahasa | Sarjana | Universiti Kebangsaan Malaysia |

| | | | |
|------|--|-----------------|--------------------------------|
| 2004 | Kajian kontrastif lakuan pertuturan bahasa Arab dan bahasa Melayu | Sarjana | Universiti Malaya |
| 2006 | Lakuan bahasa komplin dalam kalangan kelas menengah Melayu Bandar Baru Bangi | Doktor falsafah | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 2009 | Bahasa, kesantunan dan perubahan sosial: analisis terhadap lakuan bahasa menolak Minangkabau moden | Doktor falsafah | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 2012 | Lakuan pertuturan dalam wacana wawancara | Doktor falsafah | Universiti Putra Malaysia |
| 2015 | Lakuan pertuturan dalam mesyuarat pengurusan | Doktor falsafah | Universiti Putra Malaysia |
| 2018 | Lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam latihan mengajar: satu analisis pragmatik | Doktor falsafah | Universiti Kebangsaan Malaysia |

Berdasarkan jadual 1 di atas, tesis pertama dalam bidang lakuan bahasa ialah pada tahun 1998 yang bertajuk “Tanya-jawab dalam novel Salina karangan A. Samad Said: satu kajian berdasarkan teori lakuan pertuturan” dari Universiti Malaya. Manakala tesis terakhir yang direkod dalam *Myto* ialah pada tahun 2018 yang bertajuk “Lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam latihan mengajar: satu analisis pragmatik” dari Universiti Kebangsaan Malaysia”. Sepanjang dari tahun 1998 sehingga 2018 iaitu selama 20 tahun, sebanyak lapan buah tesis dalam bidang lakuan bahasa ditulis berdasarkan data yang direkodkan dalam *Myto*.

4. Keputusan Dan Perbincangan

Frank (1971) menyatakan bahawa teori atau kerangka konsep adalah sangat penting dalam memberikan panduan, keyakinan dan hala tuju dalam sebuah kajian. Bagi menganalisis dapatan kajian, skema pengkategorian yang digariskan oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) digunakan bagi melihat trend data dalam kajian tesis-tesis bidang lakuan bahasa di Malaysia. Skema pengkategorian ini dilihat dapat menjelaskan trend data dengan baik dan mudah difahami. Kerangka skema pengkategorian ini telah dicipta sendiri oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) untuk melihat trend data terhadap 200 artikel di dalam *Journal of Pragmatics* dari tahun 1999 sehingga 2018. Idea mencipta kerangka ini adalah hasil daripada pemerhatian yang dilakukan terhadap skema pengkategorian yang dicipta oleh sarjana lain iaitu Jucker & Staley (2017). Skema yang digariskan oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) ialah seperti di bawah:

Jadual 2. Skema pengkategorian trend data

| No. | Skema pengkategorian trend data | Contoh |
|-----|-----------------------------------|--|
| 1. | Tumpuan utama dalam analisis data | Perkataan atau frasa, ucapan, teks, wacana, ciri kontekstual, tingkah laku komunikatif |
| 2. | Kuantiti data | Contoh, kes kajian, data set, korpus, korpus besar |
| 3. | Medium data | penulisan, percakapan, digital, metalinguistik, bukan verbal |
| 4. | Bahasa yang digunakan | Bahasa Inggeris, bukan bahasa Inggeris |
| 5. | Fiksionaliti | Sebenar, fiksiyen, dibina, digunakan semula |

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa skema pengkategorian trend data terbahagi kepada lima iaitu tumpuan utama dalam analisis data, kuantiti data, medium data, bahasa yang digunakan dan fiksionaliti. Setiap skema pengkategorian mempunyai perincian yang dapat dilihat melalui contoh

yang diberikan. Oleh itu, kajian ini akan meneliti semua tesis-tesis dalam bidang lakuan bahasa di Malaysia untuk melihat trend data.

Tumpuan Utama dalam Analisis Data

Perkara pertama yang ingin dilihat dalam trend data dalam tesis-tesis bidang lakuan bahasa ini ialah tumpuan utama dalam analisis data. Tumpuan utama analisis data yang dimaksudkan adalah sama ada data tersebut dianalisis berdasarkan teks, wacana, ucapan, perkataan atau frasa, ciri kontekstual atau tingkah laku komunikatif (Jonathan Culpeper & Mathew Gillings, 2019). Pada awal pengkajian, seorang sarjana akan memilih terlebih dahulu bahan kajian dan akan melihat apakah tumpuan utama data yang akan dianalisis. Sebagai contoh, jika sarjana tersebut memilih tumpuan utama analisis datanya adalah teks, maka jenis data teks seperti cerpen atau novel akan dipilih.

Kata dan frasa merupakan unit yang paling kecil dalam linguistik. Kedua-dua unit ini boleh dikaji dalam bidang pragmatik kerana mempunyai fungsi dan relevan untuk dianalisis. Ucapan juga merupakan salah satu kategori dalam tumpuan utama analisis data. Ucapan bukan unit terkecil dalam linguistik tetapi lebih menjadi tumpuan dalam kajian pragmatik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), ucapan ialah apa-apa yang diucapkan seperti syarahan atau pidato. Khairuddin Mohamad (2012) mendefinisikan ucapan sebagai satu bentuk saluran komunikasi pertuturan sebagai landasan penyampaiannya. Oleh itu, ucapan merupakan medium untuk menyampaikan mesej kepada umum dan dapat difahami sebagai proses kelahiran idea secara lisan yang diujarkan berdasarkan tema atau agenda majlis. Manakala teks pula ialah sesuatu yang bersifat lebih menyeluruh seperti sastera lengkap, teks ucapan politik dan temuduga. Teks lengkap bukanlah bermakna keseluruhan teks diambil untuk dikaji, namun hanya membincangkan dan membuat kesimpulan tentang keseluruhan teks tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), teks ialah kata-kata asli daripada pengarangnya sendiri iaitu bukan terjemahan atau ulasan. Teks merujuk kepada huruf-huruf yang tersusun bagi membentuk satu makna yang boleh difahami atau membawa pengertian yang tertentu.

Seterusnya ialah wacana yang juga merupakan salah satu tumpuan dalam analisis data. Wacana ialah sesuatu yang tersusun yang membawa maksud keseluruhan genre seperti rencana surat khabar, prosiding mahkamah dan lain-lain. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, wacana ialah Keseluruhan tutur yang merupakan satu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan, perbincangan atau pertukaran idea secara lisan. Asmah Haji Omar (1986) pula menyatakan bahawa wacana dapat ditafsirkan sebagai kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan yang melebihi batas ayat. Harimurthi (1982) turut menegaskan bahawa wacana ialah unit bahasa yang melebihi batas ayat. Berdasarkan hierarki bahasa, wacana terletak pada tingkat yang paling tinggi, iaitu hadir selepas tingkat ayat. Selain daripada unit linguistik, dua ciri pragmatik lain turut diambil kira iaitu tingkah laku komunikatif dan ciri kontekstual. Contoh bagi tingkah laku komunikatif ialah senyap dan ketawa yang mana merujuk kepada perkara bukan linguistik. Manakala ciri kontekstual pula ialah merujuk kepada persepsi pendengar terhadap apa yang dikaji contohnya meminta pandangan pendengar terhadap isu kesantunan berbahasa. Berdasarkan tesis-tesis yang dijadikan bahan kajian ini, di bawah adalah trend data jenis tumpuan utama dalam analisis data yang telah dikenal pasti.

Jadual 3. Tumpuan utama dalam analisis data

| | 1998 | 1999 | 2004 | 2006 | 2009 | 2012 | 2015 | 2018 |
|--------------------------|------|------|------|------|-------|------|------|------|
| Wacana | | | | | | 1 | | |
| Kata dan frasa | | | 1 | | | | | |
| Ucapan | | 1 | | 1 | 1 | | 1 | 1 |
| Teks | 1 | | | | | | | |
| Ciri kontekstual | | | | | Tiada | | | |
| Tingkah laku komunikatif | | | | | Tiada | | | |

Berdasarkan jadual 3 di atas, keputusan kajian menunjukkan trend pemilihan tumpuan utama analisis data berbentuk ucapan lebih mendapat perhatian iaitu dipilih pada tahun 1999, 2006, 2009 dan 2015 dan 2018. Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019) menyatakan bahawa bidang pragmatik sememangnya berat terhadap data berbentuk ucapan. Oleh sebab itu, ramai penyelidik dilihat memilih data ucapan sebagai bahan kajian untuk dianalisis. Namun, tidak bermakna data yang lain tidak mendapat perhatian. Data wacana, teks, kata dan frasa turut dipilih oleh penyelidik. Manakala, jenis ciri kontekstual dan tingkah laku komunikatif belum pernah lagi dipilih dan tidak menjadi pilihan dalam kajian tesis bidang lakuan bahasa di Malaysia walhal dua jenis ini boleh didapati sebagai lakuan bahasa. Oleh itu, pengkaji akan datang boleh memilih data berbentuk ciri kontekstual dan tingkah laku komunikatif sebagai bahan untuk dikaji memandangkan jenis-jenis ini belum pernah dikaji. Contoh kajian tesis yang memilih ucapan sebagai tumpuan utama dalam analisis data ialah tesis doktor falsafah pada tahun 2015 yang bertajuk “lakuan pertuturan dalam mesyuarat pengurusan”. Tesis ini menjadikan ucapan ahli mesyuarat sebagai bahan kajian untuk menganalisis bentuk lakuan bahasa yang digunakan.

Kuantiti Data

Kuantiti data dapat ditafsirkan sama ada data tersebut ialah data bersifat contoh, satu kajian kes, data set, korpus atau korpus besar (Jonathan Culpeper & Mathew Gillings, 2019). Dalam sesuatu kajian, kuantiti data dapat dikenal pasti dan dianggarkan. Kuantiti data yang paling kecil ialah apabila pengkaji hanya menggunakan ‘contoh’, biasanya tidak melebihi dua ayat untuk dianalisis. Hal ini bermakna, pengkaji hanya memilih beberapa contoh untuk dianalisis. Jenis contoh ini dilihat tidak sesuai digunakan untuk kajian tesis yang memerlukan data yang banyak serta penerangan dan penulisan yang panjang. Selain itu, ada juga kajian yang menjadikan sesuatu teks atau beberapa buah teks untuk dikaji secara mendalam. Jenis ini dipanggil sebagai satu kajian kes iaitu penelitian terhadap skop yang telah dipilih. Bahan tersebut tidak terlalu ringkas dan tidak juga terlalu banyak. Kemudian kategori seterusnya ialah data set iaitu yang mengkaji banyak teks dalam suatu kumpulan tetapi tidak memenuhi kriteria korpus. Data set dan korpus mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 100 000 patah perkataan tetapi tidak melebihi 1 juta. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), korpus bermaksud himpunan tulisan atau teks daripada majalah, buku, akhbar dan lain-lain untuk tujuan penyelidikan. Kategori korpus melibatkan kajian yang menggunakan korpus linguistik untuk menjalankan analisis seperti ‘*corpus software*’. Data dalam korpus ini telah disahkan oleh komuniti sebagai korpus. Manakala kategori yang terakhir ialah korpus besar seperti ‘*British National Corpus*’ yang mengandungi 100 juta patah perkataan. Korpus besar ini mestilah melebihi 1 juta patah perkataan bagi membezakannya dengan korpus biasa dan data set. Di bawah ialah trend kuantiti data yang telah dikenal pasti:

Jadual 4. Kuantiti data

| | 1998 | 1999 | 2004 | 2006 | 2009 | 2012 | 2015 | 2018 |
|--------------|------|------|------|-------|------|------|------|------|
| Kajian kes | 1 | 1 | | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |
| Contoh | | | | | | | | |
| Data set | | | 1 | | | | | |
| korpus | | | | Tiada | | | | |
| Korpus besar | | | | Tiada | | | | |

Berdasarkan jadual 4 di atas, kuantiti data jenis kajian kes lebih mendapat perhatian. Trend menunjukkan bahawa lima tahun terbaru iaitu dari tahun 2006 hingga 2018, penyelidik tesis memilih kajian kes sebagai kuantiti data. Begitu juga pada tahun 1998 dan 1999, penyelidik turut memilih kajian kes sebagai kuantiti data. Kajian kes ialah kajian yang menggunakan sesuatu teks atau beberapa buah teks untuk dikaji secara mendalam. Hal ini bersesuaian dengan penulisan tesis ilmiah yang memerlukan data yang banyak namun berfokus agar mudah untuk dianalisis. Jenis kuantiti data contoh, korpus dan korpus besar pula tidak pernah dipilih oleh mana-mana penyelidik. Contoh tesis yang memilih kajian kes sebagai kuantiti data ialah tesis yang ditulis pada tahun 1998 iaitu tesis yang bertajuk “Tanya-jawab dalam novel Salina karangan A. Samad Said: satu kajian berdasarkan teori lakuan pertuturan”. Tesis ini telah memilih sebuah novel sebagai bahan kajian untuk dianalisis. Sebuah novel dikategorikan sebagai sebuah teks yang berfokus untuk dikaji. Novel tidak dikategorikan sebagai kuantiti data jenis contoh, data set, korpus atau korpus besar. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji akan datang boleh menjadikan kuantiti data seperti data set atau korpus sebagai bahan kajian memandangkan jenis ini belum pernah dipilih. Data set dan korpus yang mengandungi banyak data membolehkan penyelidik mengkaji dengan lebih mendalam dan memilih data yang paling penting.

Medium Data

Skema pengkategorian ketiga ialah medium data yang dapat difahami sebagai bagaimanakah medium data tersebut didapati sama ada melalui medium percakapan, penulisan, digital, metalinguistik atau bukan verbal. Bidang pragmatik dilihat berat sebelah terhadap medium percakapan (Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019). Kebanyakan kajian yang dijalankan telah memilih medium percakapan sebagai data kajian. Namun kini, pragmatik dilihat mempunyai skop yang lebih luas merangkumi medium lain, tidak hanya tertumpu kepada medium percakapan sahaja. Kategori bertulis ialah data yang ditulis dalam bentuk penulisan. Manakala data berbentuk bercakap pula ialah data yang diucapkan. Medium data jenis digital pula ialah seperti emel, facebook, twitter, instagram yang secara prinsipnya dalam bentuk tulisan dan medium ini telah menarik minat ramai pengkaji semenjak era teknologi kini. Medium data digital dilihat mudah untuk didapati pada masa ini, hal ini kerana penyelidik telah terdedah dengan penggunaan teknologi yang cukup meluas. Maslida Yusof & Karim harun (2015) menyatakan bahawa pada hari ini, internet telah menjadi salah satu alat komunikasi yang penting pelbagai bentuk media baharu iaitu media sosial muncul dengan pelbagai ciri dan penggunaan. Isu-isu bahasa dalam dunia digital juga sudah kritikal dan perlu diperhatikan dari pelbagai sudut. Data medium Kategori bukan verbal pula ialah merujuk kepada bahasa badan. Bahasa badan ialah satu ciri yang boleh dikaji dalam bidang pragmatik kerana pragmatik mengambil kira faktor-faktor bukan linguistik. Komunikasi bukan lisan memaparkan tingkah laku, sifat dan objek yang boleh memberikan makna atau mesej yang tertentu (Seiler & Bell, 2002). Manakala yang terakhir ialah metalinguistik iaitu bahasa yang digunakan sebagai cubaan dalam eksperimen atau impromptu. Metalinguistik merujuk kepada kebolehan membuat refleksi terhadap ciri-ciri bahasa dengan menggunakan kefahaman bahasa dan pengetahuan sedia ada. Selain itu, metalinguistik mementingkan hubungan antara faktor bahasa dan bukan faktor bahasa dalam masyarakat.

Jadual 5. Medium Data

| | 1998 | 1999 | 2004 | 2006 | 2009 | 2012 | 2015 | 2018 |
|----------------|------|------|------|-------|------|------|------|------|
| Penulisan | 1 | | | | | 1 | | |
| Percakapan | | 1 | 1 | 1 | 1 | | 1 | 1 |
| Digital | | | | Tiada | | | | |
| Metalinguistik | | | | Tiada | | | | |
| Bukan verbal | | | | Tiada | | | | |

Berdasarkan jadual 5 di atas, trend menunjukkan bahawa jenis medium data percakapan dilihat mendapat tempat dalam kalangan penyelidik tesis iaitu pada tahun 1999, 2004, 2006, 2009, 2015 dan 2018. Hal ini kerana data berbentuk percakapan lebih mudah dan sesuai untuk dikaji dari sudut pandang pragmatik. Selain tu, data bertulis juga dipilih pada tahun 1998 dan 2012 sahaja. Manakala data jenis digital, metalinguistik dan bukan verbal belum pernah lagi dipilih sebagai data kajian. Contoh tesis yang memilih medium data jenis percakapan ialah tesis yang ditulis pada tahun 2009 yang mengkaji lakuan bahasa menolak terhadap masyarakat Minangkabau moden. Bahan kajian tesis ini dikategorikan sebagai medium data jenis percakapan kerana mengkaji ujaran masyarakat Minangkabau. Manakala bagi contoh medium data penulisan ialah tesis pada tahun 2012 yang memilih data berbentuk penulisan iaitu sembilan buah majalah terbitan Karangkrak sebagai bahan kajian. Medium data berbentuk penulisan ini perlu diperbanyakkan lagi kajiannya kerana pelbagai bahan kajian berbentuk penulisan boleh dipilih oleh penyelidik seperti teks sastera, teks ucapan, novel, skrip drama dan pelbagai lagi. Medium data jenis digital, metalinguistik dan bukan verbal juga boleh dipertimbangkan untuk dikaji.

Bahasa yang Digunakan dalam Data

Bahasa yang digunakan dalam data merupakan kategori trend data yang perlu diambil kira. Hal ini kerana, ada juga kajian yang membuat perbandingan dua bahasa untuk melihat lakuan bahasa yang digunakan dalam bahan tersebut. Pelajar bukan warganegara Malaysia yang belajar di Malaysia lebih cenderung untuk melakukan kajian perbandingan terhadap dua bahasa yang berbeza. Hal ini kerana, mereka ingin melihat perbezaan antara bahasa Malaysia dan bahasa asal negaranya. Justeru, bahagian ini akan melihat trend data penggunaan bahasa Melayu dan bukan bahasa Melayu sebagai data kajian.

Jadual 6. Bahasa yang digunakan dalam data

| | 1998 | 1999 | 2004 | 2006 | 2009 | 2012 | 2015 | 2018 |
|--------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Bahasa Melayu sepenuhnya | 1 | 1 | | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |
| Bukan bahasa Melayu sepenuhnya | | | 1 | | | | | |

Pada tahun 2004, terdapat sebuah tesis yang menggunakan data dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab bagi melihat lakuan bahasa yang digunakan. Penulis tesis ini merupakan individu bukan warganegara Malaysia. Oleh sebab itu, penyelidik memilih untuk mengkaji lakuan bahasa terhadap data yang mengandungi dua bahasa. Secara keseluruhannya, trend data menunjukkan bahawa penyelidik tesis lebih cenderung untuk memilih data bahasa Melayu sepenuhnya sebagai bahan untuk dikaji. Hal ini kerana, penyelidik tesis-tesis ini merupakan penutur jati bahasa Melayu dan berada dalam bidang kajian bahasa Melayu. Oleh itu, pemilihan data sepenuhnya dalam bahasa Melayu akan memberikan lebih kefahaman dan memudahkan urusan menganalisis kajian. Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa hampir kesemua tesis menggunakan data bahasa Melayu sepenuhnya

sebagai bahan kajian untuk dianalisis kecuali pada tahun 2004. Oleh itu, pemilihan data bahasa Melayu sepenuhnya ini perlu diteruskan oleh pengkaji yang akan datang.

Fiksionaliti

Maksud fiksionaliti ialah sesuatu perkara atau bahan itu sekadar dibayangkan dan tidak berfakta atau sebaliknya. Data yang dipilih oleh pengkaji dalam tesis ilmiah juga ada kepelbagaiannya dari segi fiksionaliti. Antara jenis fiksionaliti ialah data sebenar iaitu data yang diambil secara semula jadi, data berbentuk fiksyen, data yang dibina dan data yang digunakan semula (Jonathan Culpeper & Mathew Gillings, 2019). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), fiksyen ialah karya sastera yang dicipta daripada imaginasi. Karya sastera yang diada-adakan berdasarkan khayalan penulis. Menurut Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019), data fiksyen tidak begitu mendapat tempat dalam kalangan komuniti pragmatik. Walaubagaimanapun, fiksyen sememangnya wujud dalam aspek kehidupan seharian dan tidak semudahnya boleh dipisahkan dengan kehidupan sebenar. Sebagai contoh iklan peribadi, sebuah cerita tentang kejadian di tempat kerja atau sebuah filem tentang kehidupan manusia yang sebenar. Manakala kategori data sebenar pula ialah yang mengandungi data dari sumber iaitu individu yang mengalami peristiwa sebenar. Data sebenar ini ialah data yang diambil secara realitinya. Kemudian data yang dibina ialah data yang tiada asas, hanya contoh ringkas untuk menggambarkan sesuatu isi. Seterusnya, kategori yang terakhir ialah data yang digunakan semula iaitu data yang diambil dari penerbitan lain. Iaitu menggunakan contoh daripada penerbitan lain dengan tujuan ilustrasi. Jenis ini hanya mengambil sebahagian data sahaja, bukan kesemuanya.

Jadual 7. Fiksionaliti

| | 1998 | 1999 | 2004 | 2006 | 2009 | 2012 | 2015 | 2018 |
|------------------|------|------|------|-------|------|------|------|------|
| Sebenar | | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |
| Digunakan semula | | | | Tiada | | | | |
| Fiksyen | 1 | | | | | | | |
| Dibina | | | | Tiada | | | | |

Berdasarkan jadual 7 di atas, trend fiksionaliti menunjukkan bahawa data semula jadi atau data sebenar lebih mendapat perhatian bermula dari tahun 1999 sehingga tahun 2015. Manakala pada tahun 1998, data fiksyen dipilih sebagai bahan kajian untuk dianalisis. Jenis data digunakan semula dan dibina tidak dipilih dalam kajian tesis-tesis berkaitan lakuan bahasa. Contoh tesis yang menjadikan data fiksyen sebagai bahan kajian ialah tesis yang mengkaji sebuah novel berjudul “Salina”. Novel merupakan bahan penulisan berbentuk fiksyen yang boleh dijadikan bahan kajian. Oleh itu, pengkaji akan datang boleh memilih data berbentuk fiksyen untuk melihat lakuan bahasa yang digunakan. Bagi contoh jenis data sebenar pula ialah tesis yang ditulis pada tahun 1999 yang mengkaji perlakuan bahasa oleh kanak-kanak dwibahasa. Tesis ini mengambil data secara sebenar iaitu semula jadi dengan turun ke lapangan bagi mengutip data. Penyelidik-penyelidik lepas dilihat lebih meminati data sebenar atau semulajadi untuk melihat bentuk lakuan bahasa yang digunakan.

Ringkasan Hasil Dapatan Kajian

Jadual di bawah dipaparkan bertujuan untuk menunjukkan ringkasan hasil dapatan kajian dengan lebih jelas. Hanya subkategori data trend yang tertinggi sahaja ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 8. Ringkasan hasil dapatan kajian

| | |
|-----------------------------------|---------------------------|
| Skema pengkategorian data | Trend pemilihan tertinggi |
| Tumpuan utama dalam analisis data | Ucapan |
| Kuantiti data | Kajian kes |
| Medium data | Percakapan |
| Bahasa yang digunakan | Bahasa Melayu sahaja |
| Fiksionaliti | Sebenar |

Berdasarkan jadual 8 di atas, dapat dilihat dengan lebih jelas trend data tesis-tesis dalam bidang lakuan bahasa di Malaysia. Bagi skema tumpuan utama dalam analisis data, pengkaji lepas lebih ramai memilih jenis ucapan iaitu sebanyak lima buah tesis berbanding jenis yang lain. Manakala bagi skema kuantiti data, penyelidik lepas lebih cenderung untuk memilih jenis kajian kes iaitu mewakili tujuh buah tesis. Bagi skema medium data pula, penulis-penulis tesis dalam bidang lakuan bahasa lebih ramai memilih medium data berbentuk percakapan iaitu sebanyak enam buah tesis. Kemudian dari segi bahasa yang digunakan pula, tujuh buah tesis memilih data yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya sahaja. Manakala yang terakhir iaitu skema fiksionaliti, penulis-penulis tesis lepas lebih cenderung memilih data berbentuk sebenar iaitu sebanyak tujuh buah tesis berbanding data berbentuk fiksyen. Oleh itu, kajian ini berjaya menunjukkan trend data dalam bidang lakuan bahasa di Malaysia melalui tesis yang dijumpai. Pendedahan dan hasil kajian trend ini pastinya akan membantu pengkaji semasa dan akan datang untuk melihat kecenderungan penyelidik lepas memilih data untuk kajian mereka. Hasil dapatan ini juga akan membantu para penyelidik melihat apakah data yang masih kurang difokuskan dalam bidang ini di Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Seperti yang disarankan oleh Jonathan Culpeper & Mathew Gillings (2019), pengkaji akan datang boleh memilih bentuk data yang kurang difokuskan dan dipilih oleh pengkaji lepas. Oleh itu, hal ini akan dapat mempelbagaikan bentuk data dalam kajian-kajian sesuatu bidang.

5. Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian awal meneliti trend data dalam kajian pragmatik khususnya dalam aspek lakuan bahasa. Kajian ini juga hanya memberi fokus bahan kepada tesis sahaja dan berdasarkan lapan buah tesis yang ditemui dalam *Malaysian thesis online* (Myto). Kajian ini bukan sekadar memberikan manfaat kepada pengkaji atau pelajar Malaysia sahaja, namun turut memberikan manfaat kepada pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia kerana dapat melihat trend kajian lakuan bahasa di Malaysia melalui tesis-tesis yang dipilih. Ramai pengkaji dari bidang bahasa dan linguistik meminati dan mengkaji bidang lakuan bahasa. Kenyataan ini boleh dibuktikan melalui penulisan tesis atau penerbitan artikel jurnal yang amat memberangsangkan dalam kalangan pengkaji. Berdasarkan hasil kajian, dapat dilihat kepelbagaian pemilihan data oleh para sarjana bergantung kepada apa yang difokuskan dalam kajian. Pengkaji semasa dan akan datang boleh melihat dan menilai trend data yang dihasilkan ini agar memudahkan mereka untuk mengembangkan lagi kajian lakuan bahasa sama ada melalui penghasilan tesis atau penerbitan lain seperti artikel jurnal, prosiding seminar, buku dan sebagainya. Kelompangan dan kekosongan bentuk data yang belum difokuskan dan dipilih oleh pengkaji lepas boleh dipertimbangkan oleh pengkaji akan datang untuk melaksanakannya. Kajian lakuan bahasa perlu diperluaskan lagi dengan mengkaji lebih banyak bahan kajian lain yang melibatkan komunikasi seperti komunikasi kumpulan kecil, komunikasi antara budaya, komunikasi interpersonal dan lain-lain. Hal ini kerana bidang komunikasi yang menggunakan bahasa sebagai medium untuk bertutur amat sesuai untuk dikaji dalam bidang pragmatik.

Rujukan

- Abd Ganing Leangkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Karim. (2018). Kajian lakuan bahasa di Malaysia: satu tinjauan literatur. *Seminar Falsafah dan Tamadun*, 12 November 2018.
- Ahmad Mahmud Musanif. (1998). *Tanya-jawab dalam novel Salina karangan A. Samad Said: satu kajian berdasarkan teori lakuan pertuturan*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad. *Jurnal Linguistik* 25 (1), 080 – 099.
- Amir Juhari. (2015). *Lakuan pertuturan dalam mesyuarat pengurusan*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat. *Jurnal Linguistik* 19(1), 048-057.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J. L. (1997). *How to do things with words*. Oxford: Havard University Press.
- Bach, K. & Harnish, R. M. (1979). *Linguistics communication and speech acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Cutting, J. (2002). *Pragmatics and discourse: A resource book for students*. London: Routledge.
- Haslinda Saad. (2012). *Lakuan pertuturan dalam wacana wawancara*. Tesis doktor falsafah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Hetti Walauti Triana. (2009). *Bahasa, kesantunan dan perubahan sosial: analisis terhadap lakuan bahasa menolak Minangkabau moden*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- J. R. Searle. (1969). Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language. *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. *Philosophical Quarterly* 20(79), 172-179.
- Jacob L. Mey. (2001). *Pragmatics: An Introduction*. Blackwell: US.
- Jonathan Culpeper & Mathew Gillings. (2019). Pragmatics: data trends. *Journal of Pragmatics* 145, 4-14.
- Jucker, A. H., & Staley, L. (2017). *Politeness and developments in methodology*. In J. Culpeper, M. Haugh, D. Z. Kadar (Eds.), *The Palgrave Handbook of Linguistic* (pp. 403-429). London: Palgrave.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2014). *Tesis Pra Lapangan Kajian dalam Penyelidikan Kualitatif*. Diakses 6 Januari 2020 dari https://www.researchgate.net/publication/293097744_Tesis_Pra_Lapangan_Kajian_dalam_Penyelidikan_Kualitatif.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khairuddin Mohamad. (2012). *Bahasa melayu komunikatif*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Kridalaksana, Harimurti. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Marlyna Maros. (2006). Lakuan bahasa komplin dalam kalangan kelas menengah Melayu Bandar Baru Bangi. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status facebook. *Jurnal Komunikasi* 31(2), 151-168.
- Moghaddam, M. (2012). Discourse structures of condolence speech act. *Journal of English Language Teaching and Learning* 4(10), 105-125.
- Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan tuturan ilokusi dan perlokusi dalam penamaan wifi: satu pemerhatian. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(2), 1-9.
- Roosfa Hashim. (2011). Perkembangan jurnal ilmiah Melayu dalam kalangan Melayu watan. *Jurnal Melayu* (6), 137-152.
- Rosmawati Aman. (1999). *Kajian perlakuan bahasa oleh kanak-kanak dwibahasa*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Saidatul Nornis Mahali. (2012). Situasi, peristiwa dan lakuan bahasa dalam kalang sama. *Jurnal Akademika* 82(1), 3-14.
- Surono. B. Pr. Marsam. (2004). *Kajian kontrasif lakuan pertuturan bahasa Arab dan bahasa Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil. (2016). Penggunaan bahasa dalam sesi kaunseling dari sudut lakuan bahasa. *Jurnal Bahasa* 10 (1), 54-73

William J. Seiler & Melissa L. Beall. (2002). *Communication: Making Connections*. University of Northern Iowa: Allyn and Bacon.

Biodata penulis

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam bidang bahasa Melayu dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof (PhD), Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah semantik dan pragmatik bahasa Melayu.

Karim Harun (PhD), Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah sejarah linguistik dan psikolinguistik bahasa Melayu.